

Pada tahun 2016, statistik formal negara menunjukkan kadar kemiskinan di Malaysia adalah pada kadar 0.4%. Kita tidak menafikan pencapaian ini menunjukkan kesungguhan usaha kerajaan membasmi kemiskinan. Walau bagaimanapun, sejauh manakah statistik ini menggambarkan realiti hidup rakyat Malaysia?

Pada tahun 2019, kerajaan mengambil inisiatif menyemak semula metodologi pengiraan garis kemiskinan. Langkah ini diambil sebagai respons kepada Pelan Pembangunan Malaysia ke-11 yang menyatakan bahawa Malaysia memerlukan petunjuk baharu untuk mengukur tahap kemiskinan.

Sebelum ini, pendapatan garis kemiskinan negara adalah pada RM980.00 sebulan. Pengenalan kaedah baharu, iaitu menggunakan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi atau Global Multidimensional Poverty Index (MPI), meningkatkan pendapatan garis kemiskinan kepada RM2208.00 sebulan.

Pengiraan garis kemiskinan ini disesuaikan dengan perkembangan semasa. Misalnya, asas pengiraan keperluan makanan tidak hanya mengambil kira kuantiti yang diperlukan, tetapi juga melihat kepada kualiti bakul makanan, iaitu bakul makanan yang sihat. Hal ini bagi membolehkan statistik kemiskinan memberikan gambaran yang lebih tepat tentang taraf hidup rakyat secara keseluruhannya.

Berdasarkan garis kemiskinan yang baharu ini, kadar kemiskinan di Malaysia pada tahun 2019 dianggarkan pada 5.6%. Penggunaan kaedah baharu ini memberikan kadar kemiskinan yang lebih tinggi berbanding dengan kaedah pengiraan sebelumnya. Walau bagaimanapun, kajian tentang kesejahteraan hidup rakyat masih tidak menyokong angka ini.

Laporan penyelidikan oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) pada tahun

Kemiskinan di Malaysia

Perlunya Ukuran Pelengkap kepada Pendapatan



Sumber: <https://www.eurodiaconia.org>

2019 menunjukkan hampir 20% daripada isi rumah di Malaysia yang tidak mampu memenuhi keperluan asas. Sebanyak 50% isi rumah melaporkan sentiasa menghadapi kekangan kewangan dan boleh dikelompokkan sebagai menghadapi situasi kewangan yang rapuh.

Sumber kewangan mereka adalah secukup hidup, tidak mampu menabung. Sekiranya

ditimpa sebarang kesulitan akan menyebabkan mereka menghadapi masalah kewangan. Statistik ini turut disokong dengan data yang hampir separuh daripada golongan pekerja di Malaysia menerima pendapatan kurang daripada RM2000.00. Dengan kata lain, separuh daripada golongan pekerja menerima pendapatan di bawah paras kemiskinan.

Yang lebih membimbangkan, data ini merujuk keadaan sebelum pandemik COVID-19 melanda Malaysia. Pandemik COVID-19 memberikan kesan yang signifikan kepada ekonomi. Banyak isi rumah yang terkesan berikutan penutupan sektor ekonomi.

Banyak pekerja sektor tidak formal seperti penaja kecil yang kehilangan sumber pendapatan. Tidak kurang juga yang kehilangan pekerjaan akibat penutupan firma, khususnya industri kecil dan sederhana. Ada yang terpaksa bekerja, tetapi dengan pendapatan yang lebih rendah disebabkan oleh pengurangan masa bekerja.

Pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan berikutan pandemik COVID-19 turut menjejaskan kuasa beli masyarakat secara umum. Hal ini turut memberikan kesan kepada mereka yang mencari rezeki dengan berniaga secara kecil-kecilan di tepi jalan atau di pasar malam.

Dapatan kajian terhadap miskin bandar semasa pandemik COVID-19 mendapati satu daripada setiap empat (25%) ketua isi rumah tidak bekerja semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada tahun 2020. Majoriti yang masih bekerja terpaksa akur dengan pendapatan yang lebih rendah. Dapatan tersebut mencadangkan pandemik COVID-19 menyebabkan kadar kemiskinan meningkat.

Pandemik COVID-19 juga menyingkap kerapuhan kedudukan kewangan rakyat Malaysia di sebalik statistik kemiskinan yang rendah. Banyak isi rumah yang tidak mampu bertahan apabila sektor ekonomi ditutup bagi mengelakkan COVID-19 merebak. Hampir 50% daripada mereka yang bekerja sendiri hilang pendapatan (Jabatan Statistik Malaysia, 2020). Manakala, dalam kalangan pekerja, hanya 5% yang mempunyai simpanan yang membolehkan mereka bertahan selama tiga bulan sahaja.

Bagi tujuan pemulihan selepas pandemik, dapatan tersebut mencadangkan satu perkara yang

penting. Ukuran yang digunakan untuk mengukur kadar kemiskinan sedia ada yang berpaksikan pendapatan semata-mata tidak mencukupi untuk dijadikan asas penggubalan cara dan kaedah pembasmian kemiskinan.

Tidak dinafikan bahawa pendapatan merupakan ukuran objektif terbaik untuk menjadi titik mula. Namun begitu, kita perlu beranjak dengan melengkapkannya dengan kaedah pengukuran lain bagi menambah baik ukuran kemiskinan, khususnya yang diguna pakai bagi memastikan ukuran yang terhasil konsisten dengan realiti. Ukuran ini juga penting untuk mengenal pasti isi rumah yang memerlukan bantuan.

Ukuran untuk melengkapkan pendapatan ini mungkin perlu mempertimbangkan maklumat

seperti bilangan tanggungan isi rumah, bilangan anak yang bersekolah, kemungkinan adanya ahli keluarga dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU), ahli keluarga yang sakit, keadaan tempat tinggal, dan akses kepada perkhidmatan pendidikan dan kesihatan.

Isi rumah dengan pendapatan sebanyak RM4000.00, tetapi dengan enam orang anak, dua daripadanya merupakan OKU dan pada masa yang sama menanggung ibu bapa yang uzur, berada dalam keadaan yang berbeza daripada isi rumah dengan pendapatan yang sama, dan mempunyai dua orang anak yang sihat tanpa tanggungan lain.

Penggunaan ukuran kemiskinan yang konsisten dengan realiti dan lebih komprehensif penting kerana



data ini akan menunjukkan masalah kemiskinan yang serius dan meluas. Ukuran ini akan seterusnya memberikan isyarat tentang had masalah ini perlu diberi perhatian dan lokasi sumber kerajaan.

Sekiranya kayu ukur yang digunakan gagal menunjukkan keseriusan masalah kemiskinan dalam masyarakat, kita mungkin akan mengetepikan masalah kemiskinan, dan menganggapnya kes terpinggir dan tidak memperuntukkan perhatian dan sumber yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah ini.

Perlu diingat bahawa kemiskinan ialah keadaan yang cenderung untuk terus mencetuskan kemiskinan daripada satu generasi kepada satu generasi sekiranya tidak dibasmi selain kemiskinan cenderung untuk mencetuskan isu lain seperti keciciran, jenayah dan masalah mental sekiranya tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Sebagai kesimpulannya, Malaysia berjaya mengurangkan masalah kemiskinan dengan ketara dalam konteks pascamerdeka hingga hari ini menerusi pelbagai program dan perancangan kerajaan. Yang menjadi persoalan ketika ini ialah kewujudan pertentangan antara ukuran statistik yang disajikan dengan realiti semasa. Hal ini mencadangkan kewujudan perbezaan dari segi definisi kemiskinan secara operasi statistiknya dengan kemiskinan di dunia nyata.

Yang dibimbangkan ialah statistik tersebut akan memberikan isyarat yang salah terhadap keperluan perhatian dan sumber untuk membasmi kemiskinan secara lebih giat dan memberi bantuan kepada golongan miskin. Hal ini ditambah pula dengan perkembangan semasa seperti pandemik COVID-19 dan peningkatan kes

bencana alam seperti banjir besar, kesulitan ekonomi seperti kelembapan aktiviti ekonomi dan kenaikan kos sara hidup yang sudah tentu menghimpit keluarga yang relatif miskin.

Sudah tiba masanya kita menggunakan kaedah baharu sebagai pelengkap kepada pendapatan dalam mendefinisikan dan mengukur kemiskinan di Malaysia. Hal ini perlu bagi memastikan ukuran tersebut akan memberikan statistik yang dapat mewakili realiti kemiskinan negara dan menunjukkan arah yang sewajarnya terhadap keperluan sumber dan polisi. ^{EKO}

Dr. Roza Hazli Zakaria ialah pensyarah di Jabatan Ekonomi dan Statistik Gunaan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.